

Perubahan Dengan INOVASI

LAPORAN TAHUNAN **2007**



Perubahan Dengan INOVASI

LAPORAN TAHUNAN 2007






RASIONAL KONSEP

Prisma merupakan bahan lut sinar yang mempunyai dasar bersegi tiga dan permukaan tepi yang bersegi empat panjang. Ia merupakan satu objek yang sangat istimewa. Prisma boleh digunakan untuk membias, memecah dan mengubah cahaya menjadi warna-warni yang menarik. Prisma boleh diguna pakai dalam pelbagai bentuk bagi memperbaiki kehidupan manusia. Contohnya, cermin-cermin prisma yang inovatif boleh memulihkan penglihatan dan meningkatkan kualiti kehidupan harian pesakit hemianopia yang kehilangan separuh daripada bahagian medan penglihatan normal mereka.

Begitu juga di MIMOS, pelbagai pendekatan, strategi dan usaha berterusan disalurkan, khususnya apabila syarikat menfokus kepada teknologi terkehadapan. Semua langkah dan usaha ini membawa hasil yang memberangsangkan seterusnya membolehkan teknologi dan penyelesaian inovatif yang dihasilkan MIMOS sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosial dan ekonomi negara.

Laporan Tahunan ini memaparkan perjalanan bagi MIMOS yang mencabar, menguja dan penuh warna warni. Ia turut memaparkan pencapaian serta inovasi MIMOS yang mampu mengubah kehidupan manusia.



Kandungan

MAKLUMAT KORPORAT

Visi dan Misi Kami	4
Informasi Korporat	6
Profil Korporat	6
Struktur Organisasi	7
Struktur Korporat	8
Lembaga Pengarah	10
Pasukan Pemimpin Kanan	12

PERUTUSAN

Kata Aluan Menteri	14
Perutusan Pengerusi	15
Perutusan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif	16

MEMACU TEKNOLOGI TERKEHADAPAN

Anugerah dan Penghargaan	20
Menjana Harta Intelek	21
Menetapkan Standard dan Hala Tuju	22
Menginovasi Teknologi dan Platform	23

MEMBINA PERKONGSIAN PINTAR

Model Usaha Sama Baru	28
Program Angkasawan Negara	30
Penglibatan Dengan Komuniti	31

MEMBANGUN ORGANISASI CEMERLANG

Nilai Teras Kepimpinan	34
Integriti Sebagai Asas Kukuh	34
Memajukan Keupayaan dan Kapasiti	37

MENUJU KECEMERLANGAN

Pembangunan Strategik Sumber Manusia	40
Pengambilan Kakitangan Bertaraf Dunia	41

PERISTIWA PENTING SYARIKAT

Imbasan Tahun 2007	44
Berita MIMOS	50

LAPORAN KEWANGAN 2007

54

Visi dan Misi

Visi

Untuk menjadi pusat penyelidikan gunaan terunggul dalam teknologi terkehadapan

GRID
COMPUTING

CYBERSPACE
SECURITY

ENCRYPTION
SYSTEMS

COMMUNICATION
TECHNOLOGY



Misi

Untuk merintis penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang inovatif dalam mengembangkan industri watan yang berdaya saing di peringkat global



Informasi Korporat

Nama Syarikat	:	MIMOS Berhad	Ibu pejabat	:	Taman Teknologi Malaysia Bukit Jalil 57000 Kuala Lumpur Tel: 603-89955000 Faks: 603-89962755
Nombor Syarikat	:	336183-H			
Tarikh dan Tempat Penubuhan	:	16 Mac 1995, Malaysia	Pejabat Cawangan	:	MIMOS Berhad Lot 2/3, Fasa 1 Taman Hi-Tech Kulim 09000 Kulim Kedah Darul Aman Tel: 604-4273000 Faks: 604-4033815
Setiausaha	:	1. Sivadasan A/L Narayanan 2. Ng Eng Kiat	Juruaudit	:	Ernst & Young (AF 0039)
Pejabat Berdaftar	:	Tingkat 11, Wisma Tun Sambathan No. 2 Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur Tel: 603-22732688 Faks: 603-22742688			

Profil Korporat

MIMOS Bhd ditubuhkan pada 16 Mac 1995 dan adalah agensi strategik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.

MIMOS menjalankan penyelidikan gunaan didalam teknologi maklumat dan komunikasi melalui perkongsian pintar dengan universiti, institut penyelidikan, Kerajaan dan industri dengan tumpuan kepada teknologi terkehadapan.

MIMOS memberi tumpuan terhadap penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang didorong pasaran bagi memastikan teknologi tersebut boleh dikomersilkan bagi mengekalkan pertumbuhan negara. R&D MIMOS menfokus kepada enam kelompok teknologi iaitu, *Informatik Lanjutan, Pengkomputeran Grid, Keselamatan Informasi, Teknologi Pengetahuan, Teknologi Makro/Mikro/Nano dan Komunikasi Wayarles*.



Struktur Organisasi




Struktur Korporat



Tarikh Penubuhan: 16.03.1995

Status: Aktif

Sifat perniagaan: Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), mikroelektronik dan semikonduktor.



* Tarikh syarikat terbabit menjadi syarikat subsidiari/bersekutu MIMOS Berhad.
Maklumat benar sehingga 1 Julai 2008

MIMOS Smart Computing Sdn. Bhd. (No. Syarikat 452374-W)

Tarikh Penubuhan: 10.11.1997. Sifat perniagaan: Pemasangan komputer bagi tujuan penjualan dan penyewaan perkakasan dan perisian komputer

MIMOS Semiconductor (M) Sdn. Bhd. (No. Syarikat 498484-V)

Tarikh Penubuhan: 10.11.1999. Sifat perniagaan: Penyediaan perkhidmatan pengurusan dan fabrikasi wafer semikonduktor dan juga perdagangan wafer semikonduktor

Encipta Ltd. (No. Syarikat LL02689) [Syarikat Persisiran Pantai Labuan]

Tarikh Penubuhan: 08.12.2000. Sifat perniagaan: Syarikat pemegangan pelaburan

30 %

Artisan Encipta Ltd (No. Syarikat 412464) [Syarikat dikecualikan, Bermuda]

Tarikh Penubuhan: 08.01.2002. Sifat perniagaan: Penyediaan nasihat pelaburan dan perkhidmatan pengurusan modal

Malaysia Microelectronic Solution Sdn. Bhd. (No. Syarikat 512608-U)

Tarikh Penubuhan: 26.04.2000. Sifat perniagaan: Pembuatan reka bentuk litar bersepadu (IC) dan pemasaran produk IC

OICNetworks Sdn. Bhd. (No. Syarikat 512128-P)

Tarikh Penubuhan: 21.04.2000. Status: Dorman

Digicert Sdn. Bhd. (No. Syarikat 457608-K)

Tarikh Penubuhan: 12.02.1998. Sifat perniagaan: Pihak berkuasa berlesen persijilan

Tiger Consortium Sdn. Bhd. (No. Syarikat 568311-D)

Tarikh Penubuhan: 09.01.2002. Status: Dorman



Lembaga Pengarah



PENGERUSI

1

Datuk Shahril bin Shamsuddin

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
Syarikat-syarikat Kumpulan Sapura

2

Dato' Abdul Wahab bin Abdullah

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
MIMOS Berhad

3

Dato' Abdul Hanan bin Alang Endut

Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

4

Dato' Larry Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow

Pengerusi
REDTone International Berhad dan Cuscapi Berhad

5

Abdul Rahim bin Abdul Hamid

Pengarah
Pelangi Berhad dan
Chemical Company of Malaysia Berhad

6

Tuan Haji Mohammad bin Abdullah

Pengerusi
Malaysia Rating Corporation Berhad

7


Gho Peng Seng

Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pelaburan, MKD dan Penswastaan,
Kementerian Kewangan

8

Mohamed Rashdi bin Mohamed Ghazalli


Pengarah
Sapura Crest Petroleum Berhad



* Maklumat benar sehingga 1 Julai 2008




Pasukan Pemimpin Kanan



- 1 Dato' Abdul Wahab Abdullah**
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
- 2 Abd Aziz Abd Kadir**
Naib Presiden Kanan
Realisasi & Operasi Teknologi
- 3 Thillai Raj T. Ramanathan**
Naib Presiden
Pembangunan Perisian & Kejuruteraan Pusat
Ketua Kluster/Pengkomputeran Grid
- 4 Emelia Matrahanah**
Pengurus Besar
Perkhidmatan Korporat



- 5 Dr Chandran Elamvazuthi**
Pengarah
Perancangan & Strategi Teknologi
Ketua Kluster
Infomatik Lanjutan
- 6 Prof Dr Mohamed Ridza Wahiddin**
Ketua Kluster
Keselamatan Informasi
- 7 Dr Dickson Lukose**
Ketua Kluster
Teknologi Pengetahuan
- 8 Prof Dr Masuri Othman**
Ketua Kluster
Teknologi Makro/Mikro/Nano
- 9 Dr Mazlan Abbas**
Ketua Kluster
Komunikasi Wayarles



Kata Aluan Menteri

Memanfaatkan Keupayaan Inovasi untuk Negara



Tahun 2006/2007 merupakan tempoh MIMOS diberi nafas baru dan disusun semula. Menjelang tahun 2020, saya yakin MIMOS akan mencapai cita-citanya untuk mempromosi industri teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) tempatan ke arena global.

Selaras dengan visi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk merealisasikan "Sains, Teknologi dan Inovasi untuk Penjanaan Pengetahuan, Mewujudkan Kekayaan dan Kesejahteraan Masyarakat", tumpuan MIMOS kini kepada penyampaian teknologi dan platform teknologi masa depan untuk membolehkan industri tempatan berinovasi. Saya berkeyakinan Ybhg Dato' Abdul Wahab, sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, bersama pasukannya yang inovatif dalam MIMOS akan mencapai matlamat ini. Beliau mempunyai pengalaman kepimpinan yang luas dalam operasi penyelidikan dan pembangunan dalam syarikat multinasional dan mendukung keinginan yang mendalam untuk mencapai kecemerlangan.

Malaysia telah membuktikan bahawa ia mampu untuk berubah daripada ekonomi yang berasaskan pertanian kepada pembuatan dan berorientasikan eksport. Penambahbaikan polisi yang berterusan serta inisiatif yang sudah dilakukan memperkuuhkan lagi pelbagai sektor dalam menghadapi kancang persaingan yang lebih mencabar. Dalam usaha meningkatkan daya saing semasa, Malaysia menekankan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Memandangkan ICT menjadi enjin ekonomi berasaskan pengetahuan, Malaysia akan berjaya bersaing di peringkat global jika ia dapat menjangka trend ICT untuk mengeksloitasi peluang yang ada.

Saya yakin melalui kerjasama penyelidikan yang dijalankan di MIMOS bersama-sama pihak universiti dan industri, MIMOS akan berjaya memacu bidang ini. Saya percaya ini akan menghasilkan keputusan yang cemerlang. Ini mengingatkan saya dengan pepatah Latin, "virtvits fortvna comes" yang bermaksud, nasib yang baik untuk mereka yang berani.

Saya mengucapkan terima kasih kepada MIMOS yang berusaha keras menjadikan tahun 2007 satu lagi kejayaan. Saya percaya dengan komitmen dan semangat jitu, MIMOS akan mencapai visinya dan terus menyumbang kepada usaha memartabatkan Malaysia menjadi sebuah negara yang mampu menghasilkan teknologi dan produk inovatif.

Terima kasih dan semoga Tuhan memberkati.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dr Maximus Ongkili".

Dato' Dr Maximus Ongkili
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
Memanfaatkan Keupayaan Inovasi untuk Negara

Perutusan Pengerusi

Penumpuan kepada Teknologi Terkehadapan untuk Negara



Tahun 2006 merupakan lembaran baru bagi MIMOS, dengan kapten dan barisan krew pengurusan yang baru. Barisan pemimpin baru meneruskan hala tuju dengan tumpuan kepada mengatur dan melaksanakan strategi untuk membawa MIMOS ke arah kedudukan bertaraf dunia.

Dengan sukacitanya saya melaporkan bahawa MIMOS kini sedang berkembang ke arah menjadi pusat penyelidikan aplikasi unggul yang dibimbing oleh visi dan misi korporat, serta struktur dan strategi yang baru. Penumpuan sekarang adalah kepada penyelidikan dan membangunkan platform teknologi dalam teknologi maklumat dan komunikasi yang menawarkan nilai kompetitif dan kelebihan kepada industri tempatan untuk bersaing di peringkat global.

Penumpuan dan penyusunan semula pembangunan teknologi dan pemindahan teknologi telah menjurus kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lebih mantap. Ini termasuk memberi kebebasan kepada unit dan organisasi bersekutu bukan R&D dalam MIMOS selaras dengan hala tuju yang baru.

Saya percaya langkah berani ini menolong MIMOS memberi tumpuan kepada teknologi dan bekerja ke arah menjadi organisasi R&D bertaraf dunia. Semua ini mungkin mustahil tanpa daya kepimpinan dan keyakinan kuat yang ditunjukkan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan Pemimpin Kanan ke arah mentransformasikan MIMOS.

Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia kerana kepercayaan, kepimpinan dan visi mereka dalam membantu MIMOS merealisasikan wawasannya untuk menjadi pemain R&D bertaraf dunia.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Shahril".

Datuk Shahril Shamsuddin
Pengerusi
MIMOS Berhad



Perutusan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

2007 adalah tahun yang mencabar dan memberangsangkan untuk MIMOS. Bagi memantapkan hala tuju syarikat, kami menyusun semula sumber dan kakitangan MIMOS secara strategik. Kami bekerja untuk mentransformasikan MIMOS menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) bertaraf dunia yang dihormati. Usaha ini sejajar dengan matlamat menjadikan MIMOS organisasi yang kaya dengan kreativiti, bakat, paten dan tentu sekali dengan teknologi yang boleh mengubah kehidupan manusia.

Visi dan misi kami digariskan sejajar dengan aspirasi nasional. Untuk ini kami memperkemaskan strategi R&D kepada tiga area iaitu penyelidikan gunaan, teknologi dan pembangunan lanjutan. Strategi ini akan memacu MIMOS memenuhi tuntutan agenda teknologi nasional yang mengambil kira aspek rantaian nilai inovasi seperti trend teknologi, ruang pasaran dan komersialisasi.

Pemimpin teknologi

Sebagai organisasi R&D, kami menekankan kepentingan penjanaan harta intelek (IP). Kami sudah memulakan kempen kesedaran semenjak tahun 2006 dengan melaksanakan skim ganjaran IP untuk menggalakkan penjanaan IP dalam organisasi. Saya berasa bangga kerana usaha kami membawakan hasil yang positif dengan sejumlah 185 paten difaiklan, melebihi jangkaan sasaran tahun 2007.

Kami juga memperkuatkkan komitmen dan kerjasama dengan badan standard tempatan dan antarabangsa. Kami mempelajari dan mencapai banyak perkara daripada kerjasama ini dan usaha kami mendapat pengiktirafan dengan anugerah kepada projek R&D. Aplikasi sistem mikro-elektronik dalam bidang pertanian tepat diberi penghargaan oleh Frost & Sullivan sebagai Organisasi R&D Tahunan pada tahun 2007. Ini semua meneruskan pengiktirafan anugerah yang kami terima pada tahun-tahun sebelumnya seperti AgriBazaar, MyGfL, CAMyKad dan Forensic Investigation and Recovery Systems.



Pembangunan sumber manusia

Kami percaya perubahan ini adalah hasil daripada nilai teras kepimpinan (SATRIA 1) yang diperkenalkan pada tahun 2006. Penghayatan amalan ini dalam tugas-harian melahirkan organisasi yang berpandukan nilai. Nilai ini berperanan merangsang standard prestasi yang tinggi untuk MIMOS, seterusnya membolehkan kami menjadi pusat R&D bertaraf dunia. Selain itu, Kod Etika MIMOS berperanan sebagai panduan untuk kami menjalankan tugas tanpa merasa gentar atau pilih kasih serta penuh integriti.

Kami percaya sumber manusia adalah aset besar bagi pertumbuhan syarikat. Strategi kami memastikan pekerja kami ditempatkan pada kedudukan yang betul. Kami mengerakkan sumber manusia baru dan sedia ada mengikut kecekapan mereka dan keperluan organisasi. Kami memberikan latihan, pendedahan dan memperkasakan kakitangan dalam membangunkan kemahiran baru, dan menyahut cabaran serta tanggungjawab baru. Antara program pembangunan sumber manusia utama adalah Program Latihan Strategik, Lanjutan & Pengiktirafan MIMOS (M*STAR). Program ini membolehkan kakitangan MIMOS melanjutkan pengajian akademik atau kelayakan profesional dan pada masa yang sama meneruskan projek mereka di MIMOS.

Kami juga memulakan Program Kesejahteraan Total untuk membantu setiap orang mengekalkan kecerdasan badan dan minda yang kreatif. Program ini yang dikendalikan oleh jurulatih berkelayakan, menggabungkan kesedaran kesihatan dan senaman fizikal.

Untuk memastikan kualiti kerja, kami menggunakan prosedur terbaik seperti *People Capability Maturity Model (PCMM)*, *Capability Maturity Model Integration (CMMI)* dan *Six Sigma*.

Setiap langkah perjalanan kami didokumentasikan dan menerima liputan media yang positif. Hasilnya, pemain industri antarabangsa dan tempatan serta institusi mula menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan kami dalam projek R&D. Kami berasa gembira apabila semua usaha ini menerima sokongan berterusan daripada pemegang berkepentingan kami.

Penghargaan

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Lembaga Pengarah MIMOS di atas sokongan dan galakan berterusan daripada mereka. Saya juga merakamkan penghargaan ikhlas kepada semua rakan kerja yang telah berkongsi tanggungjawab kepimpinan dan kepercayaan mereka yang tidak berbelah bagi terhadap MIMOS dan saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga MIMOS yang telah menunjukkan keghairahan dan kesungguhan untuk mempelopori budaya yang positif dan menghadapi cabaran-cabaran baru. Marilah kita bersama-sama maju untuk mencapai visi dan misi.

Terima kasih.

Dato' Abdul Wahab Abdullah
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
MIMOS Berhad





MEMACU
Teknologi Terkehadapan

Anugerah dan Penghargaan



Usaha berterusan MIMOS dalam projek Penyelidikan & Pembangunan (R&D) telah menerima pelbagai anugerah dan penghargaan daripada organisasi domestik dan antarabangsa.

Bagi aplikasi sistem mikro-elektro mekanikal (MEMS) dalam bidang pertanian tepat, MIMOS telah dianugerahkan Organisasi R&D Tahunan bagi Inovasi & Kemajuan Industri (Pertanian Tepat) oleh Frost & Sullivan

Anugerah yang diterima adalah yang pertama bagi MIMOS pada majlis Anugerah Kecemerlangan Pertumbuhan Frost & Sullivan di California, Amerika Syarikat, pada 17 September 2007 yang menyaksikan kehadiran pengurus Frost & Sullivan, David Frigstad. Anugerah yang sama telah disampaikan kemudiannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pameran & Persidangan Inovasi Kebangsaan (NICE) 2007 pada 30 November 2007.

Anugerah tersebut mengiktiraf penglibatan luas dan komprehensif MIMOS di dalam industri serta sumbangannya terhadap kemajuan pasaran. Penyelidikan gunaan MIMOS dalam MEMS, salah satu daripada lapan bidang fokus dalam penyelidikan gunaan, membabitkan penerokaan mikrofluidik dan teknologi sensor dalam semikonduktor oksida besi pelengkap (CMOS) bagi membangunkan aplikasi dan penyelesaian berdasarkan MEMS.

Menjana Harta Intelek

Di MIMOS, kami menghargai harta intelek (IP). Untuk menggalakkan penjanaan IP, kami telah memulakan kempen kesedaran IP yang menyeluruh di MIMOS dengan menawarkan skim ganjaran dalaman IP. Prestasi dan perkembangan seorang penyelidik atau mana-mana kakitangan teknikal juga diukur sebagaimanya melalui pendedahan IP mereka. Buat masa ini, ukuran minimum adalah pendedahan satu IP setahun, yang mesti diluluskan oleh jawatankuasa IP (IPC).


Di bawah skim ganjaran ini, pendedahan IP yang diterima akan menerima ganjaran RM300. Dan apabila IP tersebut difaiklan, ganjaran RM3,000 akan diberi. Setiap IP yang diluluskan oleh MyIPO akan menerima RM1,000.

Bagi IP yang dikomersialkan, pereka cipta akan menerima 55% daripada royalti bersih yang diterima. Pemberian ganjaran ini sejajar dengan inisiatif Kerajaan menggalakkan serta mengiktiraf sumbangan IP berharga oleh rakyat atau syarikat tempatan kepada negara.

Bagi menggalakkan dan mengiktiraf pereka cipta, kami memperkenalkan skim lencana (badge scheme). Pereka cipta yang memfailkan sekurang-kurangnya lima paten akan diberi lencana pekerja emas (*gold employee badge*), dan 10 paten untuk diberikan lencana pekerja platinum (*platinum employee badge*).

Usaha kami sejak tahun 2006 membawa hasil yang memberangsangkan. Pada tahun 2007, syarikat berjaya mendedahkan 185 IP dan memfailkan 76 IP dalam bidang teknologi yang kami ceburi.

**Status IP yang Dilaporkan berbanding
IP yang Diluluskan oleh IPC sehingga akhir tahun 2007**



Menetapkan Standard dan Hala Tuju

Pada tahun 2007, MIMOS mengambil bahagian di dalam pelbagai jawatankuasa standard teknikal. Penyertaan di dalam jawatankuasa teknikal ini membantu MIMOS menyumbang secara aktif dalam penetapan standard dan garis panduan dalam industri dan bidang yang kami ceburi.

Di peringkat tempatan, MIMOS telah menyertai, antara lain, Kumpulan Kerja Rangkaian Generasi Akan Datang (*Next Generation Network Working Group*) dan Kumpulan Kerja IPv6 (*IPv6 Working Group*) yang dipengerusikan oleh Malaysian Technical Standards Forum Berhad (MTSFB). Kedua-dua kumpulan kerja tersebut membuat cadangan untuk dipertimbangkan bagi pelaksanaan garis panduan rangkaian generasi baru dan IPv6 negara.

Di peringkat antarabangsa, kami menyertai, antara lainnya, Forum WiMAX, Rumah Digital (*Digital Home*) dan *Internet Engineering Task Force (IETF)*. Forum WiMAX adalah organisasi yang ditubuhkan untuk mengesah dan menggalakkan kesesuaian dan kebolehan beroperasi di antara produk WiMAX dengan sasaran untuk menggerakkan pengenalan sistem ini ke pasaran. Rumah Digital pula menumpukan kepada pembekalan rangka kerja kebolehan beroperasi terhadap garis panduan reka bentuk berdasarkan standard industri terbuka untuk melengkapkan pertemuan titik digital antara industri, sementara IETF adalah komuniti antarabangsa yang terdiri daripada pereka cipta rangkaian, pengendali, vendor dan penyelidik yang terlibat dalam evolusi dan perjalanan lancar Internet.

MIMOS akan terus aktif dalam menggalakkan kerjasama menangani isu nasional dan antarabangsa yang melibatkan standard teknikal, kod teknikal dan perkembangan garis panduan operasi bagi industri, khususnya industri yang melibatkan teknologi terkehadapan dan ICT.

KnowledgeGrid Malaysia

KnowledgeGrid Malaysia dilancarkan pada 20 Ogos 2007. Inisiatif pengkomputeran grid kebangsaan ini bertujuan memberikan infrastruktur yang memaksimumkan sumber komputer berprestasi tinggi bagi mempercepatkan penyelidikan dan pertumbuhan yang dapat menjana kemakmuran dan nilai nasional.

Projek yang terdiri daripada bioteknologi, automotif, simulasi mekanikal sehingga kepada model ramalan cuaca kini boleh didapati di KnowledgeGrid Malaysia. Fasa KnowledgeGrid Malaysia berikutnya akan melibatkan penambahbaikan infrastruktur dan peningkatan usaha sama penyelidikan dengan institusi penyelidikan tempatan dan luar negara dan industri tempatan; manakala fasa akhir akan melibatkan pelancaran projek ini ke seluruh negara.





Menginovasi Teknologi dan Platform

Pada tahun 2007, MIMOS meneruskan program R&D ke arah inovasi teknologi dan platform. Program ini menumpukan kepada lapan bidang teknologi teras yang menjadi keperluan nasional dan global.

MIMOS mengadakan dua acara penting pada tahun 2007. Pertama, Kajian Hala Tuju Teknologi (KHTT) untuk mempamerkan teknologi kami kepada pemegang berkepentingan dan ahli Lembaga Pengarah dan kedua, Forum Teknologi MIMOS untuk memberitahu pihak industry mengenai usaha R&D kami.

Forum Teknologi Kami diadakan pada bulan Disember 2007, mempamerkan teknologi yang boleh dikomersialkan. Forum sehari tersebut telah dihadiri oleh lebih 200 syarikat tunggak ICT tempatan dan multinasional.

Forum Teknologi ini menjadi platform bagi menarik syarikat tunggak dalam industri untuk mendapatkan lesen dan seterusnya mengkomersialkan teknologi MIMOS. Dua teknologi iaitu SEDS dan CA4 Mykad telah dilesenkan untuk dikomersialkan.

Kedua-dua KHTT dan Forum Teknologi MIMOS adalah satu langkah ke arah merealisasikan visi kami menjadi pusat penyelidikan gunaan unggul di dalam teknologi terkedepan. Inisiatif dan hala tuju R&D kami sejajar dengan fokus kami untuk menjadi peneraju penyelidikan gunaan di dalam teknologi terkedepan berdasarkan visi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu Mencipta Pengetahuan, Mencipta Nilai dan Keseimbangan Masyarakat.



Fokus kami dalam bidang penyelidikan gunaan berdasarkan kepada trend dunia sebenar dan keperluan nasional . Bidang penyelidikan tersebut adalah:

1. Keselamatan Siber

Ruang siber, yang merupakan jaringan digital kompleks yang sentiasa berkembang, menghubungkan pelbagai aspek kehidupan. Di samping menawarkan kecekapan dan produktiviti untuk perniagaan dan komunikasi, ruang siber cenderung kepada ancaman digital.

Sebagai sebuah negara merdeka, kita mestilah sentiasa berwaspada dan melindungi kepentingan ruang digital daripada dirosakkan atau ditembusi oleh anasir asing. MIMOS mempunyai pengalaman dan kepakaran untuk membangunkan teknologi keselamatan siber untuk memelihara kedaulatan siber negara.

2. Sistem Enkripsi

Enkripsi komputer berdasarkan kriptografi merupakan sains pengekodan mesej bagi memastikan kandungan sebenar tidak terdedah kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Dengan kemajuan Internet, enkripsi komputer digunakan setiap hari oleh Kerajaan, tentera dan pengguna biasa bagi memastikan mesej dan dokumen yang dihantar tidak dipintas dan dibaca oleh sesiapa kecuali penerima yang sepatutnya.

Sistem enkripsi memastikan integriti data semasa penghantaran dan jaminan perkhidmatan yang berterusan tanpa gangguan. Kami memajukan penyelidikan aplikasi dalam sistem enkripsi ke arah pembangunan sistem enkripsi berkeselamatan tinggi bagi memastikan transaksi Kerajaan dan perniagaan di dalam negara tidak bergantung kepada sistem enkripsi biasa, yang tidak dapat menjamin keselamatan menyeluruh.

3. Pengkomputeran Grid

Pengkomputeran Grid ialah pengkomputeran berskala luas yang menyelaraskan perkongsian kompleks kuasa komputer merentasi organisasi yang berselerak di mana sahaja dalam satu rangkaian.

Kami membangunkan KnowledgeGrid Malaysia yang menawarkan sumber pengkomputeran dan kerjasama dalam bidang bioinformatik, reka bentuk produk, pembuatan, multimedia, analisis kewangan, pertahanan, keselamatan awam, kajian bencana semula jadi dan iklim. Pihak lain boleh menggunakan alatan taksiran-intensif, aplikasi dan penyimpanan data kami untuk kajian lanjutan, sebagai contoh, dalam kajian DNA dan penyelidikan dadah bagi meningkatkan industri bioteknologi.

4. Teknologi Komunikasi

Teknologi komunikasi membolehkan kita berhubung dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia pada bila-bila masa, di mana sahaja. Dan dengan teknologi jalur lebar wayarles, harapan kepada capaian tinggi jalur lebar di mana sahaja menjadi kenyataan.

Rangkaian wayarles berkelajuan tinggi yang dibangunkan berdasarkan kepelbagaiannya teknologi, menggunakan peranti bertumpu mampu merubah landskap jalur lebar. Paradigma komunikasi baru ini membolehkan penyampaian perkhidmatan interaktif yang meliputi suara, video dan data pada kualiti yang tinggi. Cabaran kami ialah menyemarakkan lagi paradigma baru ini bagi manfaat negara.

5. Informatik Lanjutan

Informatik ialah sains maklumat yang mengkaji perlambangan, pemrosesan, dan komunikasi maklumat dalam sistem semula jadi dan buatan.

Kami mempunyai peranan untuk mengkaji dan membangunkan teknik inovatif berkaitan pemrosesan dan perlambangan maklumat bagi penyelesaian praktikal yang berpotensi untuk dikomersialkan. Matlamat kami adalah untuk maju dalam bidang pemrosesan imej dan pengenalan pola.

6. Teknologi Pengetahuan

Bahasa merupakan ekspresi pengetahuan, dan pengetahuan merupakan inti pati kebijaksanaan yang merentasi bahasa dan komunikasi sama ada melalui teks, ucapan atau imej. Teknologi Semantik merupakan aliran baru dalam pengkomputeran yang bertujuan menerangkan data dengan jelas supaya boleh diproses oleh mesin untuk memperbaiki antara kebolehoperasian, pencarian dan pertanyaan.

Perlambangan ilmu didefinisikan sebagai aplikasi logik dan ontologi, kepada pembinaan model taksiran domain. Ontologi mendefinisikan terma yang digunakan untuk menerangkan dan melambang suatu bidang ilmu (perkara subjek). Ontologi merupakan model (set konsep) untuk makna terma tersebut. Ia mendefinisikan perbendaharaan kata dan makna kata tersebut.


7. Sistem Tenaga Mikro


MIMOS sedang meneruskan kajian baru dalam bidang sistem tenaga mikro. Tumpuan kami untuk menghasilkan sistem tenaga miniatur berkuasa tinggi yang diperlukan sebagai kuasa tenaga kepada peralatan masa hadapan.

8. Sistem Mikro & MEMS

Teknologi sistem mikro & MEMS (*micro electro mechanical system*) adalah mengenai peranti miniatur meliputi kedua-dua komponen mekanikal dan elektronik.

Kami meneroka teknologi sensor mikrofluidik dan CMOS bagi membangunkan aplikasi dan penyelesaian berasaskan MEMS. Antara penyelidikan yang dipertimbangkan termasuk pembangunan sistem pengawasan air dan tanah secara in-situ bagi meningkatkan hasil dan kualiti pengeluaran pertanian. Satu lagi bidang penyelidikan berpotensi adalah peralatan miniatur untuk analisis kimia.







MEMBINA
Perkongsian Pintar

Model Usaha Sama Baru

Selain daripada visi dan misi yang jelas, kami kini mempunyai model usaha sama baru bagi melengkapkan fungsi penyelidikan kami selaras dengan pihak universiti bagi menampung keperluan penyelidikan dan pembangunan (R&D) industri tempatan.

Hasil penyelidikan daripada usaha sama dengan universiti, institusi penyelidikan tempatan dan luar negara ini disalurkan kepada pembangunan teknologi. Teknologi yang didorong oleh pasaran ini kemudiannya disalurkan kepada industri tempatan bagi pembangunan industri secara menegak.



Usaha sama penyelidikan dengan universiti

Pada Jun 2007 MIMOS telah menandatangani perjanjian dengan 13 universiti. Universiti-universiti dan bidang teknologi tumpuan mereka adalah:



Universiti Malaya

Pemprosesan imej dan isyarat, bahan dan peranti di dalam mikro dan nano-elektronik dan sains grid-pengkomputeran berprestasi tinggi (HPC).



Universiti Sains Malaysia (USM)

Reka bentuk sistem MEMS, khususnya dalam domain biosensor dan sensor kimia; penggunaan dalam perladangan.



Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Mikroelektronik, sensor dan aktuator MEMS dan teknologi nano.



Universiti Putra Malaysia (UPM)

Informatik lanjutan dan bioinformatik.



Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Kemajuan di dalam teknologi biometrik ke arah penubuhan Kelompok Teknologi Biometrik Kebangsaan.



Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Reka bentuk industri tahap lanjutan yang akan membantu membangunkan produk menggunakan teknologi terkehadapan.



Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)
Teknologi siber dan penyelidikan gunaan ditingkatkan dalam empat teknologi iaitu, keselamatan informasi, pengkomputeran grid & bioinformatik, mikroelektronik dan teknologi bahasa & pembelajaran.



Universiti Utara Malaysia (UUM)
Penyelidikan ICT lanjutan khususnya dalam bidang informatik lanjutan, jalur lebar tanpa wayar, teknologi informasi keselamatan pengetahuan, kepintaran buatan dan pengkomputeran grid.



Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Teknik pengenalpastian pintar dan pengenalpastian pola berdasarkan pendekatan pengiraan dan kognisi manusia.



Universiti Multimedia (UM)
Komunikasi tanpa wayar, biometrik, teknologi pengetahuan dan pengkomputeran grid.



Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Penyelidikan dan pembangunan pengkomputeran boleh percaya yang mengkhususkan perkhidmatan keselamatan bertapis untuk sistem boleh percaya, ujian sistem boleh percaya dan aplikasi mobil pengesahan dan boleh percaya.



Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
R&D, pemindahan teknologi dan pengkomersilan informasi lanjutan, jalur lebar tanpa wayar, keselamatan informasi, teknologi pengetahuan, kepintaran buatan, pengkomputeran grid dan mikroelektronik dan semikonduktor.



Yayasan MUST Ehsan
Meningkatkan Protokol Internet Mudah Alih versi 6 (MIPv6), menjadikannya lebih kukuh dan teguh.

Kerjasama penyelidikan bersama 13 universiti tempatan mengukuhkan lagi jaringan rakan MIMOS dan memberi MIMOS peluang mencungkil dan menyatukan tenaga kepakaran.

Usaha sama penyelidikan dengan industri

Tumpuan MIMOS adalah kepada penyelidikan gunaan yang mendapat permintaan pasaran dalam teknologi terkehadapan yang menyasar kepada pertumbuhan industri asas yang kompetitif secara global. Maka adalah amat penting kami bekerjasama dengan industri yang bertujuan untuk meningkatkan nilai rangkaian teknologi.

Usaha sama penyelidikan kami bersama industri termasuk menyediakan pusat kecemerlangan, menandatangi memorandum persefahaman dan memorandum perjanjian.

Antara memorandum persefahaman ini adalah:

- MIMOS-Institut Penyelidikan Elektronik dan Telekomunikasi (Electronics and Telecommunications Research Institute atau ETRI) dari Korea Selatan untuk R&D gunaan dalam sistem tenaga mikro; dan MIMOS-Institut Penyelidikan Teknologi Perindustrian Taiwan (Taiwan Industrial Technology Research Institute atau ITRI) dari Taiwan untuk bahan semikondukt termaju untuk perkhidmatan jalur lebar.
- MIMOS-IBM untuk menubuhkan Pusat Penilaian dan Pembangunan Perisian (Software Assessment and Development Centre atau SAD) yang direka untuk memberi perkhidmatan penilaian perisian kepada organisasi tempatan.
- Perjanjian MIMOS-SGI untuk memperkuatkan komuniti penyelidikan tempatan dengan pengkomputeran berkuasa tinggi (high performing computing) dan menguatkan pengkomputeran maju dan kebolehan grid Malaysia.
- Usaha sama MIMOS-Cisco untuk menubuhkan Pusat Kecermelangan Asia dalam Teknologi Rangkaian (Asian Centre of Excellence in Networking Technologies atau ACENT).
- MIMOS dan Bandar Sultan Abdul Aziz untuk Sains dan Teknologi (King Abdul Aziz City for Science and Technology) untuk menggalakkan kerjasama R&D dalam bidang ICT untuk lima tahun mendatang.

Program Angkasawan Negara

Sejarah tercipta pada 10 Oktober 2007 apabila Dr Sheikh Muszaphar Shukor menjadi rakyat Malaysia pertama ke angkasa lepas. Beliau menyertai dua angkasawan lain menaiki kapal angkasa Soyuz yang telah berjaya mendarat di Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS).

MIMOS Berhad, bersama agensi lain di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah terlibat di dalam penyelarasan Program Angkasawan Negara. MIMOS memainkan peranan penting dengan menyiarkan komunikasi secara langsung melalui saluran radio dengan ISS yang dibuat dari stesen satelit darat di Planetarium Negara.



MIMOS juga ditugaskan untuk meningkatkan kesedaran khususnya di kalangan pelajar seluruh negara. Sebagai sebahagian daripada kempen Kerajaan untuk kesedaran angkasa lepas, angkasawan bersara NASA, Robert "Hoot" Gibson telah diterbangkan ke Malaysia untuk berkongsi pengalaman luas beliau di dalam misi penerbangan ke angkasa lepas. MIMOS dipilih oleh Kementerian untuk menguruskan program Kapten Gibson termasuk memberi ceramah dan berbicara kepada rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai peringkat berkenaan teknologi angkasa lepas dan aplikasinya.

Penglibatan dengan komuniti

Sepanjang tahun 2007, MIMOS dengan sokongan pihak MOSTI telah melaksanakan program kemasyarakatan khususnya untuk mereka yang tinggal di kawasan pedalaman yang tidak terdedah kepada ICT. Ini selaras dengan aspirasi dan objektif Kerajaan untuk merapatkan jurang digital. Kami percaya revolusi ICT wajar dikongsi oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira siapa atau di mana mereka berada.

Sebahagian daripada program komuniti kami termasuk:



K-School

Salah satu daripada inisiatif kami adalah menganjur projek perintis K-School sebagai sebahagian daripada program MOSTI untuk meningkatkan penyampaian pelajaran dan pentadbiran sekolah melalui sistem dan perkakasan berasaskan ICT. Objektif projek ini adalah untuk memastikan kelebihan jangka panjang Malaysia di dalam ekonomi. Beberapa sekolah seperti Sekolah Menengah Bukit Iban, Pahang dipilih sebagai sekolah perintis.

NICE 2007

Pameran dan Persidangan Inovasi Kebangsaan 2007 (NICE 2007) telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 30 November 2007. MIMOS menyertai NICE 2007 dengan memaparkan teknologi penyelidikan gunaan termasuk Makcik PC yang berjaya mencuri tumpuan para hadirin. Makcik PC, yang bertujuan merapatkan jurang digital, dapat memberi manfaat kepada mereka yang tiada pendedahan teknologi.




K-Wheels

Dengan kejayaan Pameran Kecemerlangan Sains Tamadun Islam yang berakhir pada Februari 2007, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah menganjurkan pameran bergerak ke lapan buah negeri di Semenanjung Malaysia.

MIMOS telah mempertingkatkan Unit Internet Bergerak, kini dikenali sebagai K-Wheels, sebagai pameran bergerak yang memaparkan teknologi interaktif dan multimedia. Pameran ini bermula pada 5 Mac sehingga 4 April 2007. Sepanjang pameran bergerak tersebut diadakan, ia telah berjaya menarik lebih 50,000 pengunjung di seluruh negara.

Reaksi orang ramai dan pihak media terhadap MIMOS "baru" amat menggalakkan. Pada 2007, aktiviti anjuran MIMOS menerima liputan positif. Kami akan terus bekerjasama dengan Kerajaan, masyarakat umum dan komuniti untuk menyemarakkan manfaat ICT dan teknologi.







MEMBANGUN

Organisasi Cemerlang

Nilai Teras Kepimpinan

Di MIMOS, kami mengakui akan kepentingan satu set nilai bersama bagi mengukuhkan ikatan. Kami namakan set nilai ini sebagai Strategic Advanced Technology Roadmap for Innovative Application (SATRIA), dan dilihat sebagai asas bagi organisasi yang dinamik berprestasi tinggi.

- 
- 1 Integrasi Tanpa Kompromi**
Bertindak mengikut penilaian moral standard yang konsisten dengan kod etika MIMOS.
 - 2 Visi Kepimpinan Teknologi**
Menunjukkan kesungguhan untuk memperoleh pengetahuan teknikal yang perlu, kemahiran dan kompetensi untuk membuat keputusan dan memberi khidmat pelanggan secara efektif.
 - 3 Perkongsian Visi Sesama Pasukan**
Menunjukkan persefahaman antara hubungan tanggungjawab seseorang dengan matlamat dan tujuan keseluruhan organisasi, dan melaksanakan tugas dengan memikirkan matlamat yang lebih luas.
 - 4 Kesempurnaan dalam Pelaksanaan Komitmen**
Mengamal, mengekal dan meningkatkan pengetahuan atau kemahiran khusus secara meluas dan mendalam untuk mencapai atau memberi khidmat pelanggan secara efektif. Menunjukkan keprihatinan untuk memenuhi keperluan pelanggan dalaman dan luaran dengan memenuhi kepuasan pelanggan melalui sumber sedia ada.
 - 5 Kecemerlangan dalam Pencapaian**
Menghasilkan keputusan atau perkhidmatan berkualiti yang melangkaui standard organisasi.
 - 6 Budaya Inovasi, Kreativiti & Produktiviti**
Mudah mengadaptasi perubahan, mempertimbangkan posisi dan strategi yang berlainan sebagai respons terhadap maklumat baru atau perubahan situasi.
 - 7 Hidup dalam Semangat Berpasukan**
Berupaya meningkatkan usaha kerjasama dan kolaborasi untuk mencari penyelesaian yang memanfaatkan semua pihak terlibat.
 - 8 Keber tanggungjawaban Terhadap Semua Tindakan**
Membuat keputusan secara autoritatif dan bijak, selepas mempertimbangkan pelbagai tindakan sedia ada sewajarnya. Bertanggungjawab terhadap semua keputusan dan tindakan.



Untuk mencapai visi menjadi pusat penyelidikan gunaan yang ulung dalam teknologi persempadan, MIMOS telah memperkenalkan SATRIA, lapan set strategi pelaksanaan.

SATRIA mempunyai lapan strategi pelaksanaan iaitu:


- SATRIA 1: NILAI TERAS KEPIMPINAN**
- SATRIA 2: TUMPUAN KEPADA PENYELIDIKAN GUNAAN**
- SATRIA 3: HALA TUJU TEKNOLOGI LANJUTAN**
- SATRIA 4: PEMBANGUNAN PORTFOLIO TEKNOLOGI**
- SATRIA 5: TUMPUAN PASARAN**
- SATRIA 6: RAKAN KONGSI PINTAR**
- SATRIA 7: MENGEKAL PERTUMBUHAN**
- SATRIA 8: PERATURAN DALAM BERURUSAN**

Integriti Sebagai Asas Kukuh

Bagi mengukuh dan menginstitusikan budaya integriti, kami membentuk Kod Etika MIMOS yang merupakan teras amalan etika kami. Kod Etika MIMOS meliputi 13 perkara utama amalan etika yang merupakan manifestasi budaya “katakan dan lakukan” kami. Kod ini mengingatkan kami supaya konsisten dalam bekerja tanpa gentar, tidak pilih kasih serta hormat menghormati dan berintegriti. Kod ini memberi kami lebih keyakinan kepada kami dan pemegang berkepentingan kami, seterusnya menjadi kayu ukur pencapaian kami.

Kod ini juga amat penting untuk menerapkan nilai “Integriti Tanpa Kompromi” yang merupakan Nilai Teras Kepimpinan SATRIA 1. Bagi membuktikan keseriusan kami, setiap 28 September diperingati dan diraikan sebagai Hari Etika MIMOS. Deklarasi Pematuhan Kod yang dibuat secara sukarela oleh kakitangan MIMOS membuktikan keazaman teguh kami mengamalkan standard etika yang tinggi.

Jawatankuasa Pematuhan Etika MIMOS yang dibentuk mempunyai tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan isu etika. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif sementara Naib Presiden bahagian Sumber Manusia Korporat (SMK) bertindak sebagai Pegawai Program Pematuhan Etika termasuk mengetuai pelaksanaan Kod. Jabatan Audit Dalaman pula bertindak sebagai sekretariat jawatankuasa.



Pembangunan Kapasiti dan Keupayaan

Usaha kami untuk menjadi organisasi bertaraf terbaik dianjakkan lagi dengan menggunakan beberapa proses jaminan untuk kualiti. Proses dan metodologi terbaik seperti *Six Sigma*, *Capability Maturity Model Integration (CMMI)* dan *People CMM (P-CMM)* telah dilaksanakan oleh organisasi bertaraf dunia seperti GE, Motorola, DuPont, Raytheon dan gergasi R&D antarabangsa lain.

Six Sigma

Six Sigma adalah strategi pengurusan perniagaan yang digunakan secara meluas di dalam kebanyakan sektor industri. Ia dibangunkan oleh Motorola untuk memperbaiki proses pembuatan dan menghapuskan kecacatan.

Pada 1 Januari 2007	100,000,000	2,929,853	(2,350,092)	100,579,761	4,678,618	105,258,379
Tukaran matawang asing, mewakili kerugian bersih diiktiraf secara langsung dalam ekuiti	-	-	(2,036,998)	(2,036,998)	-	(2,036,998)
Kerugian bagi tahun kewangan mewakili jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf	-	(12,799,395)	-	(12,799,395)	(1,255,295)	(14,054,690)
Pada 31 Disember 2007	100,000,000	(9,869,542)	(4,387,090)	85,743,368	3,423,323	89,166,691

Nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

MIMOS Berhad
 [Diperbadankan di Malaysia]

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

	Modal Saham RM	Kerugian Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2006			
Kerugian bagi tahun, mewakili jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun kewangan	29,000,002	93,185,126	122,185,128
Terbitan saham melalui permodalan keuntungan terkumpul	-	(86,548,282)	(86,548,282)
Terbitan saham melalui permodalan jumlah terhutang kepada syarikat induk	38,836,265	(38,836,265)	-
Pada 31 Disember 2006	<u>32,163,733</u>	<u>-</u>	<u>32,163,733</u>
	<u>100,000,000</u>	<u>(32,199,421)</u>	<u>67,800,579</u>
Pada 1 Januari 2007			
Kerugian bagi tahun, mewakili jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun kewangan	100,000,000	(32,199,421)	67,800,579
Pada 31 Disember 2007	<u>-</u>	<u>(7,606,317)</u>	<u>(7,606,317)</u>
	<u>100,000,000</u>	<u>(39,805,738)</u>	<u>60,194,262</u>

Nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

MIMOS Berhad
 (Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

	2007 RM	2006 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kerugian sebelum cukai daripada :		
Operasi diteruskan	(10,686,891)	(25,178,659)
Operasi dihentikan	-	(20,187,002)
Pelarasan untuk:		
Pelunasan aset tidak ketara	7,051,330	9,314,314
Aset tidak ketara dihapuskira	-	514,736
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	21,698,357	26,275,964
hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	3,684,242	-
Kerugian/(keuntungan) pelupusan hartanah, loji dan perlatan	2,917,786	1,211,552
Kerugian pelupusan aset tidak ketara	495,950	6,632,037
Kerugian rosotnilai loji dan peralatan	9,419,270	-
Kerugian rosotnilai perisian	11,021,373	-
Kerugian pelupusan subsidiari	-	(7,852,173)
Kerugian pelupusan syarikat bersekutu	-	204,160
Keuntungan pelupusan pelaburan	-	(5,669,233)
Inventori dihapuskira	-	203,635
Peruntukan inventori usang	1,248,427	-
Bahagian keputusan syarikat bersekutu	826,895	1,630,420
Perbelanjaan faedah	249,401	105,770
Peruntukan liabiliti	(5,926,761)	3,839,343
Masuk semula tuntutan luar jangka	-	(2,620,000)
Peruntukan hutang ragu (bersih)	1,969,538	1,364,763
Hutang dihapuskira	2,764,862	-
(Masuk semula)/peruntukan manfaat persaraan	(3,162,364)	590,746
Peruntukan dimasukkan semula	(2,657,562)	3,839,343
Peruntukan kerugian rosotnilai pelaburan	2,816,512	9,395,589
Pendapatan faedah	(4,999,383)	(2,926,537)
Pendapatan geran	(121,655,973)	(61,144,289)
(Kerugian)/keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	(82,924,991)	(105,821,181)
Inventori	2,159,296	5,088,658
Penghutang	(60,368)	45,949,283
Pembiutang	1,914,326	62,189,095
Pendapatan tertunda	(347,680)	(4,832,645)
Tunai digunakan dalam operasi	(79,259,417)	2,573,209
Faedah dibayar	(249,401)	(105,770)
Cukai dibayar	(3,004,337)	(9,474,034)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	(82,513,155)	(7,006,595)

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007 (SAMB.)

	2007	2006
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian hartaanah, loji dan peralatan	(66,365,073)	(26,465,472)
Pembelian aset tidak ketara	(17,339,300)	(15,748,388)
Aliran tunai keluar bersih daripada pelupusan subsidiari	-	(28,638,637)
Pemerolehan harta intelek	-	(15,748,388)
Faedah diterima	4,999,383	2,926,537
Hasil pelupusan hartaanah, loji dan peralatan	287,671	-
Pelaburan lain	189,821	11,942,494
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	<u>(78,227,498)</u>	<u>(71,731,854)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Dana pembangunan diterima	316,214,008	72,851,000
Dipindahkan kepada projek diluluskan	(29,350,093)	(40,918,634)
Pembayaran balik pinjaman	-	(25,789,987)
Tunai bersih daripada aktiviti kewangan	<u>286,863,915</u>	<u>6,142,379</u>
PENAMBAHAN BERSIH/(KURANGAN) DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI		
KESAN PERUBAHAN TUKARAN MATAWANG ASING	126,123,262	(72,596,071)
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	(2,036,998)	6,384,189
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN (Nota 17)	<u>143,813,259</u>	<u>210,025,141</u>
	<u>267,899,523</u>	<u>143,813,259</u>

Nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

MIMOS Berhad
 [Diperbadankan di Malaysia]

PENYATA ALIRAN TUNAI
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

	2007	2006
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kerugian sebelum cukai	(4,875,355)	(87,022,212)
Pelarasan untuk:		
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	10,016,904	21,241,875
Pelunasan aset tidak ketara	5,879,486	2,740,893
Aset tidak ketara dihapuskan	492,468	514,736
Perbelanjaan faedah	30,567	19,904
Kerugian pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	2,917,786	1,211,552
Kerugian rosot nilai loji dan peralatan	9,419,270	-
Kerugian rosot nilai perisian	11,021,373	-
Peruntukan hutang rugu dimasukkan semula	742,686	(398,326)
Kerugian pelupusan subsidiari	-	20,000,001
Kerugian pelupusan syarikat bersekutu	-	204,161
Kerugian pelupusan aset bekas subsidiari	-	19,915,845
Peruntukan kerugian rosot nilai pelaburan dalam subsidiari	8,142,743	32,149,320
Kerugian rosot nilai pelaburan	-	956,250
Peruntukan manfaat persaraan	(3,162,364)	590,747
Pendapatan faedah	(4,729,669)	(2,598,071)
Pendapatan geran	(121,655,973)	(60,558,770)
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(85,760,078)	(51,032,095)
Penghutang	7,031,129	26,498,686
Pembiutang	3,923,449	9,893,445
Tunai digunakan dalam operasi	(74,805,500)	(14,639,964)
Cukai dibayar	(2,000,000)	(3,000,000)
Faedah dibayar	(30,567)	(19,904)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	(76,836,067)	(17,659,868)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007 (SAMB.)

	2007 RM	2006 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(53,772,596)	(32,719,348)
Pembelian aset tidak ketara	(13,874,815)	(12,815,746)
Faedah diterima	4,729,669	2,598,071
Hasil pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	-	92,406
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	<u>(62,917,742)</u>	<u>(42,844,617)</u>

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN

Dana pembangunan diterima	316,214,008	72,851,000
Dipindahkan kepada projek diluluskan	(29,350,093)	(40,918,634)
Pembayaran balik pinjaman	-	(25,789,987)
Tunai bersih daripada aktiviti kewangan	<u>286,863,915</u>	<u>6,142,379</u>

PENAMBAHAN BERSIH/(KURANGAN) DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI

TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA TAHUN KEWANGAN (Nota 17)

147,110,106	(54,362,107)
<u>92,234,940</u>	<u>146,597,047</u>
<u>239,345,046</u>	<u>92,234,940</u>

Nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (Samb.)

(a) Subsidiari dan Asas Penyatuan (Samb.)

ii) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan terdiri daripada penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiari pada tarikh akhir penyata kewangan. Penyata kewangan subsidiari disediakan pada tarikh pelaporan yang sama seperti Syarikat.

Subsidiari disatukan dari tarikh pengambilalihan, yang merupakan tarikh Kumpulan mendapat kawalan, dan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan, baki antara syarikat, urus niaga dan keuntungan atau kerugian belum direalisasi dihapuskan sepenuhnya. Keseragaman dasar-dasar perakaunan diguna pakai dalam penyata kewangan disatukan bagi urus niaga dan peristiwa yang mempunyai kesamaan keadaan.

Sebarang lebihan kos pengambilalihan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih, liabiliti-liabiliti dan liabiliti-liabiliti luar jangka yang dikenal pasti mewakili muhibah. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih, liabiliti dan liabiliti luar jangka atas kos pengambilalihan diiktiraf terus sebagai keuntungan atau kerugian.

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih subsidiari yang tidak dimiliki oleh Kumpulan. Ia dinilai mengikut nilai saksama bahagian minoriti bagi aset dan liabiliti pada tarikh pengambilalihan dan perubahan ekuiti bahagian minoriti sejak diambil alih.

(b) Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti bukan subsidiari mahupun kepentingan dalam usaha sama di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting merupakan kuasa untuk turut terlibat di dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat tetapi bukan mengawal atau mengawal bersama dasar tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dibawa ke Lembaran Imbangan disatukan pada kos diselaraskan untuk perubahan selepas pengambilalihan dalam aset bersih bahagian Kumpulan ke atas syarikat bersekutu. Keuntungan atau kerugian bersih bahagian Kumpulan dalam syarikat bersekutu diiktiraf di dalam penyata pendapatan disatukan. Bila mana terdapat perubahan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu, Kumpulan akan mengiktiraf bahagiannya terhadap perubahan tersebut. Dalam menggunakan kaedah ekuiti, laba belum nyata pada urusniaga antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu. Selepas menggunakan kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan sama ada perlu untuk mengiktiraf sebarang kerugian rosotnilai tambahan berhubung pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Ekuiti syarikat bersekutu dikira daripada tarikh Kumpulan memperoleh pengaruh penting sehingga tarikh luput pengaruh Kumpulan ke atas syarikat bersekutu.

MIMOS Berhad

[Diperbadankan di Malaysia]

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (Samb.)

(b) Asas Penyatuan (Samb.)

Muhibah berkaitan syarikat bersekutu dimasukkan dalam amaun dibawa pelaburan dan tidak dilunaskan. Sebarang lebihan nilai saksama bersih bahagian Kumpulan ke atas aset dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka syarikat bersekutu yang melebihi kos pelaburan dikeluarkan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam menentukan keuntungan atau kerugian bahagian Kumpulan dalam syarikat bersekutu pada tempoh pelaburan diperolehi.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu bersamaan atau melebihi kepentingan dalam syarikat bersekutu, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang, membentuk sebahagian pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan terdapat tanggungan obligasi atau pembayaran dibuat bagi pihak syarikat bersekutu.

Penyata kewangan syarikat bersekutu yang diaudit dan terkini digunakan oleh Kumpulan dalam kaedah ekuiti. Keseragaman dasar perakaunan digunakan untuk urus niaga dan peristiwa yang mempunyai kesamaan keadaan.

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian kemerosotan. Pada pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan bahagian aset bersih dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian.

(c) Hartanah, Loji dan Peralatan Susut Nilai

Semua hartaanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Kos berikutnya dimasukkan ke amaun bawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mana bersesuaian, hanya bila kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan aset tersebut mengalir kepada Kumpulan dan aset itu boleh dinilai. Nilai bahagian aset yang diganti tidak diiktiraf. Semua pemberaan dan penyelenggaraan lain di caj ke penyata pendapatan pada tempoh kewangan bila mana berlaku.

Hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Modal kerja dalam pelaksanaan tidak disusut nilai kerana aset tersebut tidak sedia untuk digunakan. Susut nilai hartaanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskan kos aset kepada nilai sisa sepanjang tempoh anggaran kegunaan, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	2%
Pengubahsuai dan landskap	10%
Perabut dan kelengkapan	10% - 20%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat	20%
Perisian komputer	20% - 33 1/3%
Perkakasan	20% - 33 1/3%
Peralatan makmal dan bengkel	33 1/3%

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (Samb.)

(c) Hartanah, Loji dan Peralatan Susut Nilai (Samb.)

Kaedah nilai sisa, hayat kegunaan dan susutnilai dikaji pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten dengan anggaran terdahulu dan pola penggunaan dijangka berkenaan manfaat ekonomi masa hadapan yang terangkum dalam perkara hartaanah, loji dan peralatan.

Sesuatu hartaanah, loji dan peralatan, tidak diiktiraf bila ada pelupusan atau bila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada kegunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara hasil bersih pelupusan, jika ada, dan nilai bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan dan bahagian tidak digunakan ke atas lebihan penilaian semula perkara itu dibawa terus ke keuntungan terkumpul.

(d) Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara diiktiraf pada kos. Aset tidak ketara dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Kegunaan jangka hayat aset tidak ketara ditaksir samada terhad atau tidak terhad. Aset tidak ketara jangka hayat terhad dilunaskan mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran kegunaan jangka hayat ekonomi dan ditaksir untuk rosotnilai bila terdapat petanda aset tidak ketara tersebut berkemungkinan rosotnilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan aset tidak ketara yang mempunyai jagka hayat kegunaan terhad dikaji paling kurang pada setiap tarikh Lembaran Imbangian.

Aset tidak ketara jangka hayat kegunaan tidak terhad tidak dilunaskan tetapi diuji untuk kemerosotan secara tahunan atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menandakan nilai dibawa berkemungkinan merosot sama ada secara berasingan atau pada paras unit penjanaan tunai. Aset tidak ketara jangka hayat kegunaan tidak terhad juga dikaji secara tahunan bagi menentukan samada penaksiran jangka hayat kegunaannya boleh terus disokong.

(e) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah antara kos dan nilai bersih boleh direalisasi.

Kos ditentukan menggunakan kaedah masuk dahulu, keluar dahulu. Kos bahan mentah meliputi kos pembelian. Kos barang siap and kerja dalam perlaksanaan termasuk kos bahan mentah, buruh, kos langsung lain dan pengagihan perbelanjaan overhed pembuatan berdasarkan keupayaan operasi biasa.

Nilai boleh realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan tolak anggaran kos yang diperlukan untuk membuat jualan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (Samb.)

(f) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Nilai aset, selain inventori dan aset cukai tertunda dikaji pada setiap tarikh Lembaran Imbangan bagi menentukan samada terdapat petanda kemerosotan. Jika sebarang petanda wujud, nilai aset dijangka akan menentukan jumlah rosotnilai.

Sebagai muhibah, aset tidak ketara yang mempunyai jangka hayat kegunaan tidak terhad dan aset tidak ketara yang belum sedia untuk kegunaan, nilai ditaksirkan pada setiap tarikh lembaran imbangan atau lebih kerap bila petanda kemerosotan dikenal pasti.

Bagi tujuan ujian kemerosotan ke atas aset ini, nilai ditentukan dengan kaedah penilaian aset secara berasingan kecuali aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang tidak bergantung pada aset lain. Jika berkeadaan demikian, nilai ditentukan atas unit aliran tunai yang mana aset dipunyai.

Nilai boleh dituntut aset adalah lebih tinggi dari nilai saksama aset atau aliran tunai saksama tolak kos jual dan nilai dalam kegunaan. Dalam menaksir nilai dalam kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menggambarkan penaksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus terhadap aset. Bilamana nilai aset melebihi nilai boleh dituntut, aset disifatkan merosot dan diturunkan nilai ke jumlah boleh dituntut. Kerugian rosotnilai diiktiraf yang berhubung aliran tunai atau kumpulan aliran tunai diperuntukkan terutamanya untuk menurunkan nilai muhibah yang diperuntukkan kepada unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk menurunkan nilai aset lain di dalam unit atau kumpulan unit pada asas pro-rata.

Kerugian kemerosotan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh ia berlaku. Kerugian rosotnilai untuk aset selain daripada muhibah dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan pada taksiran yang digunakan untuk menentukan nilai aset semenjak kerugian kemerosotan terakhir diiktiraf. Nilai aset selain muhibah ditambah ke nilai boleh dituntut aset dikaji semula, sekiranya nilai tersebut tidak melebihi nilai aset yang boleh ditentukan (bersih daripada pelunasan atau susut nilai) sekiranya tiada rosotnilai diiktiraf bagi aset pada tahun-tahun lepas. Pembalikkan rosotnilai bagi aset selain muhibah diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali aset dibawa pada nilai aset yang telah dinilai semula, pada keadaan itu, pembalikkan seumpamanya dianggap sebagai pertambahan penilaian semula.

(g) Tunai dan Setara Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit tetap dan pelaburan kecairan tinggi jangka pendek yang berisiko kecil untuk berubah nilainya, bersih daripada baki overdraf bank.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (Samb.)

(h) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi amaun tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada tarikh Lembaran Imbangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Bila mana kesan nilai wang adalah ketara, peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa. Bila mana diskaun digunakan, penambahan peruntukan disebabkan perjalanan waktu diiktiraf sebagai kos kewangan.

(i) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan yang dikenakan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas keuntungan bercukai bagi tahun kewangan dan dianggarkan mengikut kadar cukai yang telah diaktakan pada tarikh Lembaran Imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan melalui kaedah liabiliti. Secara asas, liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan sementara cukai manakala aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan sehingga kemungkinan terdapat keuntungan boleh dicukai yang boleh digunakan ke atas perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau dari permulaan pengiktirafan aset atau liabiliti di dalam urusniaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa transaksi, tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada masa aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah diaktakan atau hampir diaktakan pada tarikh Lembaran Imbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan di dalam penyata pendapatan bagi tempoh tersebut, kecuali jika ia timbul hasil daripada urusniaga yang diiktiraf terus di dalam ekuiti, yang mana cukai tertunda juga diiktiraf terus di dalam ekuiti, atau bila ia timbul hasil daripada penggabungan perniagaan yang berkaitan dengan pengambilalihan, yang mana cukai tertunda akan disertakan di dalam muhibah atau jumlah sebarang lebihan nilai saksama bersih kepentingan pemilik terhadap aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka pemilik ke atas kos penggabungan.

(j) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf bila perkhidmatan yang diberi oleh pekerja akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf bila ketidakhadiran berlaku.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (Samb.)

(ii) Pelan caruman ditakrif

Pelan caruman ditakrif merupakan pelan manfaat selepas persaraan yang mana Kumpulan membayar caruman tetap ke dalam entiti berasingan atau dana dan tidak mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-mana dana tidak mempunyai aset secukupnya untuk membayar semua manfaat pekerja berhubung perkhidmatan pekerja pada tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan bila tertanggung. Menurut peruntukan perundangan, syarikat di Malaysia membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Sesetengah subsidiari asing Kumpulan juga membuat caruman kepada skim pencen berkanun negara masing-masing.

(iii) Pelan manfaat ditakrif

Kumpulan mengendalikan Skim Manfaat Persaraan ("Skim") yang dibiayai untuk pekerjanya yang layak. Obligasi Kumpulan di bawah Skim, dihitung menggunakan Kaedah Anggaran Kredit Unit, ditentukan berdasarkan perkiraan aktuari oleh aktuari bebas, yang mana jumlah manfaat yang telah diperolehi oleh pekerja atas perkhidmatan pada tahun semasa dan sebelum dianggarkan. Manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai semasanya.

Keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan ke atas purata baki kehidupan bekerja dijangka pekerja bila mana keuntungan atau kerugian aktuari tidak diiktiraf terkumpul untuk Skim melebihi 10% daripada yang lebih tinggi antara nilai semasa obligasi manfaat ditakrifkan dan nilai saksama aset pelan. Kos perkhidmatan lepas diiktiraf setakat manfaat yang telah diberikan, dan jika tidak, dilunaskan pada asas garis lurus ke atas tempoh purata sehingga manfaat yang diperbetulkan menjadi haknya.

Jumlah diiktiraf dalam Lembaran Imbangan mewakili nilai semasa obligasi manfaat diselaraskan keuntungan dan kerugian aktuari tidak diiktiraf dan kos perkhidmatan lepas yang tidak diiktiraf, dan dikurangkan dengan nilai saksama aset pelan. Sebarang aset yang terhasil daripada pengiraan ini adalah terhad kepada jumlah bersih sebarang kerugian aktuari tidak diiktiraf dan kos perkhidmatan lepas, dan nilai semasa manfaat ekonomi dalam bentuk bayaran balik atau pengurangan dalam sumbangan kepada pelan di masa hadapan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (Samb.)

(k) Pengiktirafan Pendapatan dan Pendapatan Tertunda

Pendapatan diiktiraf sehingga kemungkinan manfaat ekonomi akan berpindah kepada Kumpulan dan nilai pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti. Kriteria-kriteria berikut perlu ditepati sebelum sesuatu pendapatan diiktiraf:

(i) Jualan Barang

Pendapatan diiktiraf bersih dari cukai jualan dan pada pindahan risiko penting dan ganjaran pemilikan kepada pembeli. Keuntungan tidak diiktiraf sehingga bila mana terdapat ketidakpastian utama berhubung mendapat balik pertimbangan yang terhutang, kos berkaitan atau kemungkinan pemulangan barang.

(ii) Pendapatan Sewaan Perisian dan Perkakasan Komputer

Pendapatan dari penyewaan perisian dan perkakasan komputer diiktiraf pada asas garisan lurus sejajar dengan tempoh penyewaan.

Pendapatan penyewaan yang diterima terdahulu daripada pengguna dikira sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf di sepanjang tempoh penyewaan, supaya sejajar dengan obligasi perkhidmatan.

(iii) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan kaedah hasil efektif.

(iv) Dividen

Pendapatan dividen dikira apabila terdapat hak untuk menerima telah ditentukan.

(l) Pengiktirafan Geran

Geran pembangunan berhubung perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan Malaysia dikreditkan ke Akaun Dana Pembangunan. Jumlah yang digunakan diiktiraf dalam penyata pendapatan bagi tempoh hayat aset yang diperolehi mengikut jumlah pindahan tahunan yang sepadan dengan caj susut nilai.

Geran operasi yang diterima daripada Kerajaan Malaysia dikreditkan ke dalam Akaun Dana Pembangunan dan diiktiraf di penyata pendapatan pada tempoh sama perbelanjaan berkaitan.

Geran boleh terima daripada Kerajaan Malaysia berkaitan pelaburan dalam aset tidak disusut nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang mana ia boleh diterima.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (Samb.)

(m) Urusniaga Matawang Asing

(i) Matawang Fungsi dan Pembentangan

Penyata kewangan bagi setiap entiti Kumpulan diukur menggunakan matawang ekonomi utama persekitaran di mana entiti beroperasi ("matawang fungsi"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan matawang fungsi Syarikat.

(ii) Urusniaga Matawang Asing

Urusniaga dalam matawang selain daripada matawang fungsi (matawang asing) entiti direkodkan dalam matawang fungsi menggunakan kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Pada tarikh lembaran imbalan, butiran matawang didenominasi dalam matawang asing akan diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Butiran tidak bersifat kewangan yang dibawa pada nilai saksama yang didenominasi dalam matawang asing akan diterjemahkan pada kadar berkuatkuasa pada tarikh bila mana nilai saksama ditentukan. Butiran tidak bersifat kewangan yang diukur menggunakan kos sejarah dalam matawang asing tidak diterjemahkan.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penyelesaian butiran matawang, dan pada terjemahan butiran matawang, dimasukkan dalam penyata pendapatan bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran matawang yang membentuk sebahagian pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada terjemahan butiran tidak bersifat matawang dibawa pada nilai saksama dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran tidak bersifat matawang yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti. Perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran tidak bersifat matawang juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

(iii) Operasi Matawang Asing

Keputusan dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai matawang fungsi berbeza daripada matawang pembentangan (RM) bagi penyata kewangan disatukan diterjemahkan ke dalam RM seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap lembaran imbalan yang dibentangkan diterjemahkan pada kadar berkuatkuasa ditutup pada tarikh lembaran imbalan;

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (Samb.)

(iii) Operasi Matawang Asing (Samb.)

- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan diterjemahkan pada purata kadar tukaran tahun kewangan, yang menganggarkan kadar tukaran pada tarikh transaksi; dan
- Semua hasil perbezaan tukaran dibawa ke rizab terjemahan matawang asing dalam ekuiti.

(n) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan apabila Kumpulan telah menjadi satu pihak kepada perjanjian kontrak untuk peruntukan instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam kontrak perjanjian. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai ekuiti diiktiraf terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila Kumpulan mempunyai hak mengikut undang-undang untuk melakukannya dan berniat untuk menyelesaikan secara bersih atau merealisasi aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(i) Lain-lain Pelaburan Semasa

Pelaburan tak semasa selain daripada pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih pelupusan dan nilai bawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Penghutang Perniagaan

Penghutang perniagaan dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penilaian semula ke atas semua baki yang belum dijelaskan pada tarikh Lembaran Imbangan.

(iii) Pemutang Perniagaan

Pemutang perniagaan dinyatakan pada nilai saksama ganjaran perlu dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

(iv) Pinjaman Berfaedadah

Semua pinjaman diiktiraf awal pada nilai saksama pertimbangan diterima tolak kos berkaitan transaksi. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman berfaedadah seterusnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedadah berkesan.

MIMOS Berhad

[Diperbadankan di Malaysia]

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (Samb.)

(n) Instrumen Kewangan (Samb.)

(v) Instrumen Ekuiti

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen saham biasa diiktiraf dalam ekuiti apabila ianya diisyiharkan.

Kos urusniaga transaksi ekuiti diiktiraf sebagai potongan daripada ekuiti, bersih dari cukai.

Kos urusniaga ekuiti terdiri hanya daripada peningkatan kos luaran yang berkaitan secara langsung kepada transaksi ekutiti yang sebaliknya dapat dielakkan.

2.3 Perubahan Dasar Perakaunan dan Kesan daripada Penggunaan FRS yang Dipinda.

(i) Penggunaan FRS yang dipinda

Pada 1 Januari 2007, Kumpuan dan Syarikat mengguna pakai FRS yang berikut dan pindaan FRS yang sesuai dan mandatori kepada Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa bermula 1 Januari 2007.

FRS 117	:	Pajakan
FRS 124	:	Pendedahan Pihak Berkaitan
FRS 1192004	:	Manfaat Pekerja - Keuntungan dan Kerugian Aktuari, Pelan Kumpulan dan Pendedahan

Tambahan kepada di atas, Kumpulan dan Syarikat juga telah mengambil pilihan untuk mengguna pakai awal FRS berikut dan pindaan kepada FRS berkuatkuasa 1 Januari 2007:

FRS 107	:	Penyata Aliran Tunai
FRS 111	:	Kontrak Pembinaan
FRS 112	:	Cukai Pendapatan
FRS 118	:	Pendapatan
FRS 119	:	Manfaat Pekerja
FRS 120	:	Perakaunan Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan
Pindaan kepada :		Kesan Perubahan Kadar Tukaran Matawang Asing - Pelaburan Bersih Operasi Asing
FRS 121		Perakaunan dan Pelaporan Pelan Manfaat Persaraan
FRS 126		
FRS 137	:	Peruntukan , Liabiliti Luar jangka dan Aset Luar Jangka

Penggunaan pakai kesemua FRS di atas dan pindaan FRS tidak mengakibatkan perubahan ketara di dalam dasar perakaunan dan tidak memberi impak kewangan ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.3 Perubahan Dasar Perakaunan dan Kesan daripada Penggunaan FRS yang Dipinda (Samb.)

(ii) Interpretasi yang belum efektif

IC Interpretasi 1	:	Perubahan dalam Penyahtaulahan Tersedia, Pembaikan Dana Liabiliti Bersamaan
IC Interpretasi 2	:	Saham Ahli dalam Entiti Usahasama dan Instrumen Bersamaan
IC Interpretasi 5	:	Hak kepada Kepentingan timbul daripada Dana Penyahtaulahan, Pembaikan dan Pemulihan Alam Semulajadi
IC Interpretasi 6	:	Liabiliti yang timbul daripada Penglibatan dalam Pasaran Khusus - Kumbahan Elektrik dan Peralatan Elektronik
IC Interpretasi 7	:	Penyesuaian Pendekatan Penyataan Semula di bawah FRS 129 - Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiper-inflasi
IC Interpretasi 8	:	Skop MASB 2

Interpretasi di atas adalah ekeftif bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Julai 2007 dan tidak dikenakan ke atas Kumpulan dan Syarikat.

(iii) FRS 139: Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Ukuran

Aplikasi FRS 139 telah ditunda ke tarikh yang belum lagi diumumkan oleh Lembaga Piawai Laporan Kewangan Malaysia. Pengarah menjangka penggunaan FRS 139 pada waktu hadapan tidak akan memberi impak ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

2.4 Perakaunan Penting Penilaian dan Penaksiran

Taksiran, andaian berkenaan masa hadapan dan penilaian dibuat dalam menyediakan penyata kewangan. Ia memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan, laporan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan, dan pendedahan yang dibuat. Ia dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman dan faktor-faktor relevan, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah menurut keadaan.

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Menggunakan Dasar Perakaunan

Penilaian dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses menggunakan dasar perakaunan Kumpulan yang memberi kesan ketara kepada jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan.

(i) Kemerosotan Pelaburan

Kumpulan dan Syarikat menentukan samada pelaburannya merosot berikutan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan belanjawan aliran tunai, pembiayaan terhad untuk

MIMOS Berhad

[Incorporated in Malaysia]

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.4 Perakaunan Penting Penilaian dan Penaksiran (Samb.)

(i) Kemerosotan Pelaburan (Samb.)

memenuhi obligasi bila diperlukan, perubahan ketara dengan kesan buruk terhadap pelaburan yang merosot.

Bergantung kepada bentuk dan aktiviti utama pelaburan, penilaian dibuat oleh pihak pengurusan untuk memilih kaedah sesuai untuk penilaian seperti, antara lain, aliran tunai berdiskaun, aset bersih, nilai aset bersih direalisasi, kaedah nisbah harga-perolehan purata sektor dan perbandingan nilai pasaran semasa syarikat lain yang mempunyai aktiviti serupa.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Andaian utama berkenaan masa hadapan dan sumber utama lain ketidakpastian anggaran pada tarikh lembaran imbanginan yang mempunyai risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada nilai nyata aset dan liabiliti pada tahun kewangan berikut dibincangkan di bawah:

(i) Cukai Pendapatan dan Aset Cukai Tertunda

Penilaian digunakan dalam menentukan peruntukan cukai pendapatan Kumpulan dan Syarikat kerana terdapat urusniaga dan perkiraan tertentu yang mana ketentuan cukai terakhir tidak dapat dipastikan semasa perjalanan biasa perniagaan. Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf liabiliti untuk perkara cukai yang dijangka berdasarkan anggaran samada terdapat cukai tambahan. Bila mana cukai akhir perkara tersebut berlainan daripada jumlah yang diiktiraf sebelumnya, perbezaan tersebut akan memberi impak kepada peruntukan cukai pendapatan dan cukai tertunda dalam tempoh yang mana ketentuan tersebut dibuat.

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua kerugian cukai tidak digunakan dan elauan modal tidak digunakan sehingga berkemungkinan terdapat keuntungan cukai daripada kerugian dan elauan modal yang boleh digunakan. Penilaian pihak pengurusan penting diperlukan bagi memastikan amanah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan kemungkinan waktu dan tahap keuntungan cukai masa hadapan dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

Amaun dibawa cukai yang mesti dibayar Kumpulan dan Syarikat dan liabiliti cukai tertunda didekahkan di dalam Nota 7 dan 24.

(ii) Kemerosotan Pelaburan

Setelah kaedah penilaian sesuai dipilih, pengurusan membuat andaian tertentu berkenaan masa hadapan untuk menganggar jumlah boleh dituntut daripada pelaburan. Bergantung kepada pelaburan tertentu yang khusus, andaian yang dibuat pengurusan mungkin termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, pertumbuhan pendapatan, kadar diskon digunakan untuk tujuan aliran tunai didiskaun masa hadapan yang menggabungkan risiko berkaitan, dan jangkaan hasil masa hadapan berkenaan peristiwa tertentu masa lalu.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.4 Perakaunan Penting Penilaian dan Penaksiran (Samb.)

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Samb.)

(ii) Kemerosotan Pelaburan (Samb.)

Kepekaan terhadap Perubahan Andaian

Pengurusan percaya bahawa tiada kemungkinan munasabah perubahan dalam andaian utama yang diterangkan di atas akan menyebabkan jumlah nyata pelaburan melebihi dengan ketara jumlah boleh dituntutnya.

Kajian Semula Rosotnilai

Kajian semula rosotnilai pelaburan yang menunjukkan kemerosotan yang dijalankan oleh pengurusan pada tahun semasa membawa kepada pengiktirafan kerugian kemerosotan dalam pelaburan kira-kira RM2,816,512 (2006: RM9,395,589) dan RM8,142,725 (2006: RM956,250) masing-masing untuk Kumpulan dan Syarikat.

3. PENDAPATAN DAN KOS JUALAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Jualan barang	12,021,946	16,079,827	-	-
Perkhidmatan yang diberi	6,304,961	11,278,124	5,428,113	4,871,042
Perkhidmatan sewaan dari perisian dan perkakasan komputer	14,213,674	38,730,543	-	-
	<u>32,540,581</u>	<u>66,088,494</u>	<u>5,428,113</u>	<u>4,871,042</u>

Pendapatan Syarikat diwakili nilai invois yang dikeluarkan selepas perkhidmatan diberi dan selepas ditolak bayaran komisen kepada agen.

Pendapatan Kumpulan diwakili nilai invois jualan barang, pemberian perkhidmatan serta sewaan perisian dan perkakasan komputer sementara kos jualan mewakili kos barang yang dijual dan kos langsung berhubung perkhidmatan yang diberi.

MIMOS Berhad

[Diperbadankan di Malaysia]

4. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Caj bank dan				
Komisen	189,571	19,904	30,567	19,904
Caj faedah lain	59,830	85,866	-	-
	249,401	105,770	30,567	19,904

5. KERUGIAN SEBELUM CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Dinyatakan setelah dicaj/ (dikredit):				
Perbelanjaan manfaat pekerja (Nota 6)	54,605,577	43,996,120	45,504,213	33,729,867
Ganjaran juruaudit				
Yuran audit				
